



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Perubahan Ruang Melalui Fauna dalam Cerita Lipur Lara: Analisis Semantik Inkuisitif

Mohd Zaki Abdul Latiff *¹, Suriati Zakaria²

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
mohdzaki@pahang.uitm.edu.my

²Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Penulis Rujukan

Abstrak: Konsep yang berkaitan tentang ruang sering kali dikaitkan dengan ruang fizikal atau ruang yang *maujud* (dapat dilihat dengan mata). Konsep ini banyak dibincangkan dari pelbagai dimensi ilmu. Namun begitu, dalam cerita lipur lara, konsep ini melangkaui ruang fizikal kerana ia turut merangkumi ruang sosial dan ruang masa. Dalam cerita lipur lara, konsep ruang tergambar melalui pemilihan leksikal fauna. Konsep ini tidak dinyatakan secara terus tetapi memerlukan penginterpretasian untuk mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan. Justeru, kertas kerja ini akan menganalisis perubahan ruang melalui pemilihan leksikal fauna dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Contoh analisis akan melibatkan enam daripada 82 data yang diambil dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian mendapati, penggunaan dan pemilihan fauna tertentu bukan hanya dapat mengungkapkan perubahan ruang dalam bentuk fizikal, sosial dan masa, malah turut menggambarkan kepekaan orang Melayu terhadap alam sekeliling mereka sekali gus membuktikan ketinggian akal serta kebijaksanaan orang Melayu. Kajian yang terhasil diharapkan dapat menambah lagi kosa ilmu berkaitan cerita lipur lara Melayu.

Kata Kunci: Cerita Lipur Lara, Fauna, Pendekatan Semantik Inkuisitif, Ruang

1. Pendahuluan

Masyarakat Melayu dahulu sangat kreatif dan imaginatif (Fatimah Md. Yassin, 1991). Daya kreatif dan imaginatif ini dapat dibuktikan dengan pemilihan sesuatu perkataan yang menggambarkan unsur yang berbeza. Sebagai contoh, dalam cerita lipur lara, konsep ruang telah terjelma melalui pemilihan leksikal fauna. Hal ini tergambar dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Bagaimana penglipur lara memilih untuk menggunakan leksikal siamang dan ungka untuk menggambarkan perubahan ruang sosial? Perubahan ruang ini bukan hanya berlaku untuk ruang sosial malah turut melibatkan ruang fizikal dan ruang-masa. Tuntasnya, perubahan ruang yang terdapat dalam cerita lipur lara ini tidak dinyatakan secara langsung oleh penglipur lara. Perubahannya dijalin rapi dengan kronologi peristiwa yang berlaku dalam cerita. Ketersiratan perubahan ruang inilah yang perlu dianalisis dan diteliti dengan lebih mendalam untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu.

2. Sinopsis Hikayat Anggun Cik Tunggal

Cerita ini mengisahkan perjuangan watak utama iaitu Raja Anggun Cik Tunggal yang tinggal di negeri Tiku Pariaman, berjuang untuk mendapatkan semula tujuh orang nenek moyangnya yang telah ditawan oleh Raja Berdurai Putih. Raja Anggun Cik Tunggal telah bertunang dan berjanji untuk sehidup semati dengan tunangannya iaitu Tuan Puteri Gondan Gondariah. Perjanjian tersebut diakhiri dengan sumpah yang akan terjadi seandainya mungkir janji, yakni akan bertukar bentuk menjadi siamang putih dan ungka putih. Raja Anggun Cik Tunggal telah berangkat dengan pembantunya iaitu Bujang Selamat dengan menaiki kapal Dendang Perantau. Kehandalan dan kebijaksanaan Raja Anggun Cik Tunggal telah

membolehkannya membunuh Raja Berdurai Putih menggunakan Pisau Sayap Melati di atas Kapal Petola Kapal Petolai. Di atas kapal itu, Raja Anggun Cik Tunggal berjaya menemui 4 orang nenek moyangnya yang telah ditawan. Mereka, yakni Raja Syamsudin, Raja Pati Duraidin, Tuan Puteri Warna Pasah Embun dan Tuan Puteri Pinang Masak pulang ke tempat asal dengan diiringi Nakhoda Bahar. Malangnya Nakhoda Bahar telah mereka cerita lain iaitu Raja Anggun Cik Tunggal telah terbunuh dan dialah yang telah mengalahkan Raja Berdurai Putih. Ayahanda dan bonda Tuan Puteri Gondan Gondariah telah mengahwinkannya dengan Nakhoda Bahar. Semasa kedua-duanya duduk bersanding di atas geta keemasan, Tuan Puteri Gondan Gondariah telah bertukar menjadi ungka putih lalu turun berlari ke muara negeri Tiku Pariaman.

Raja Tunggal Junjungan dipertemukan dan membawa balik seorang nendanya iaitu Raja Si Megat Alang yang ditawan oleh Raja Pertukal (adinda Raja Berdurai Putih). Dua orang lagi nendanya berada di bawah taklukan Raja Sianggerai (juga adinda kepada Raja Berdurai Putih). Pengembaraan Raja Tunggal Junjungan diteruskan dengan misi menyelamatkan dua orang lagi nendanya (Paduka Raja dan Puteri Mas Manah) lalu berjumpa dengan Raja Sianggerai. Raja Sianggerai mempunyai seorang puteri iaitu Tuan Puteri Kaca Bertuang.

Perjanjian pertama itu juga telah dinodai oleh Raja Tunggal Junjungan setelah berlakunya perkahwinan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang. Raja Tunggal Junjungan bertemu dengan puteri kepada Raja Sianggerai. Pertemuan itu menimbulkan rasa kasih sayang antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang. Lantaran perkahwinan yang berlaku, Raja Tunggal Junjungan telah berubah menjadi siamang putih. Namun begitu, menggunakan lidi nyiur tujuh batang, Tuan Puteri Kaca Bertuang telah memulihkan rupa fizikal Raja Tunggal Junjungan seperti sedia kala setelah melalui proses merambat (memukul atau menyebat). Tuan Puteri Kaca Bertuang meminta Raja Tunggal Junjungan berjanji untuk tidak berkahwin lain selepas itu kerana dikhuatiri akan berubah semula bentuk kepada siamang putih. Janji kedua dipateri antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang.

Raja Tunggal Junjungan berusaha untuk memulihkan keadaan Tuan Puteri Gondan Gondariah apabila baginda pulang ke negeri Tiku Pariaman. Sebelum memulihkan Tuan Puteri Gondan Gondariah, Raja Tunggal Junjungan telah menembak Tuan Puteri Gondan Gondariah menggunakan 'terkul' kerana Tuan Puteri Gondan Gondariah tidak mahu turun ke bumi (hanya berada di atas pokok). Bangkai ungka putih (Tuan Puteri Gondan Gondariah) telah dirampat oleh Raja Tunggal Junjungan dengan menggunakan lidi nyiur muda tujuh batang yang dipinjamkan oleh Tuan Puteri Kaca Bertuang. Raja Tunggal Junjungan berjaya memulihkan fizikal Tuan Puteri Gondan Gondariah kepada manusia dan menghidupkannya semula. Akhirnya, Tuan Puteri Gondan Gondariah telah berkahwin dengan Raja Tunggal Junjungan.

Perkahwinan Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah sekali lagi menunjukkan berlakunya janji yang dinodai. Namun janji yang ternoda ini melibatkan perjanjian kedua yang telah dimaterai antara Tuan Puteri Kaca Bertuang dengan Raja Tunggal Junjungan. Perbuatan mungkir janji kali kedua ini bukan hanya memberi impak kepada Raja Tunggal Junjungan yang bertukar menjadi siamang putih tetapi turut melibatkan Tuan Puteri Gondan Gondariah yang menjadi ungka putih.

3. Kajian Teori

Isu yang berkaitan tentang ruang banyak dilihat dalam pelbagai perspektif ilmu. Jika dikelompokkan, cendekiawan melihatnya dalam tiga bahagian iaitu ruang fizikal, ruang sosial dan ruang-masa. Dalam kajian ruang fizikal, para sarjana meneliti konsep ruang berasaskan bentuk ruang yang boleh dilihat dengan mata kasar ataupun *maujud*. Asmah Haji Omar (2003) telah menyingkap ruang geografi – sekitaran. Beliau menggunakan hikayat dan syair untuk melihat ruang fizikal. Untuk merealisasikan matlamatnya, Asmah menggunakan perbendaharaan kata ruang geografi sekitaran yang terdapat pada data. Seterusnya, Asmah mengaitkan bagaimana manusia dewasa menggunakan ruang ini untuk mengidentifikasikan dirinya sendiri dan cara hidupnya. Berbeza dengan Azhan Abdul Aziz et al. (2012) yang

menggunakan data daripada kajian lapangan dalam kajiannya. Kajian lapangannya dilakukan terhadap empat flat kos rendah untuk mengeksplorasi kegunaan ruang luar berdekatan rumah sebagai ruang sosial. Rutin aktiviti bersosial ini dikenal pasti sebagai sumber utama keterikatan terhadap sesuatu kawasan. Sementara kajian Noorul Huda Mohd Razali dan Anuar Talib (2013) turut melibatkan kajian lapangan (soal selidik dan pemerhatian) untuk menganalisis kemungkinan pembentukan prinsip dalam seni bina dan reka bentuk sesebuah komuniti. Fokus kajian mereka lebih terarah kepada konsep privasi dan perancangan ruang dalaman kediaman Melayu.

Penulisan yang berkaitan dengan konsep ruang dan masa diteroka dalam disiplin ilmu yang berbeza. Hussain Othman (2011) melihat konsep ruang dan masa melalui disiplin ilmu sejarah, Abdul Latif Samian (2010) pula melalui disiplin ilmu metamatematik, Hashim Ismail (2008) melihatnya dari disiplin ilmu sastera. Dalam disiplin ilmu linguistik, konsep tentang ruang dan masa telah diteliti oleh Asmah Haji Omar (2013), Galton (2011), Boroditsky (2000; 2001) dan Cassasanto dan Boroditsky (2008). Para sarjana di atas menggumpul data dari karya tradisional dan kajian lapangan. Apabila menyentuh tentang definisi masa, baik dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa Inggeris, ia selalu dikaitkan dengan ruang. Ruang melibatkan jarak dan tempoh. Dalam kebanyakan kes dalam bahasa Inggeris, konsep masa akhirnya membawa kepada generalisasi berkaitan metafora ruang.

Penulisan yang terangkum dalam kategori ruang sosial melibatkan juga budaya masyarakat yang dikaji. Norhafezah Yusof (2012) meneliti penggunaan ruang dalam bandar pintar (Merdekawira / MSC: Multimedia Super Coridor). Kajian beliau melibatkan pengumpulan data di lapangan hasil daripada temuramah dan pemerhatian selama enam bulan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan ruang-ruang tertentu adalah hasil daripada budaya yang dikawal oleh sesuatu organisasi. Pengurusan atasan menggunakan ruang dalam organisasi untuk mencipta budaya organisasi yang mencetuskan perasaan bangga dan rasa dimiliki dalam syarikat. Ruang organisasi adalah terhad dan memiliki kawalan yang ketat. Ruang yang eksklusif merujuk kepada ruang pejabat atau dikenali sebagai Ruang Pusat Pertama. Pengunjung luar tidak memiliki akses memasuki ruang eksklusif dengan mudah. Kajian J. Lukito Kartono (2005) berbeza dengan kajian Norhafezah kerana fokusnya bukan organisasi tetapi rumah atau tempat kediaman. Kartono menggunakan inskripsi dan artifak yang masih ada sebagai data seperti gambar-gambar bangunan yang terpampang di dinding candi Hindu, Jawa Tengah. Berdasarkan budaya orang Jawa, konsep ruangnya sangat dipengaruhi oleh tempat, waktu dan ritual.

Perincian sarjana yang mengkaji tentang ruang budaya yang menjadikan sumber data mereka daripada bahan sastera dilakukan oleh Noriah Taslim (2006; 2010; 2012) dan Ekelund dan Borjesson (2005). Bezanya antara dua sarjana ini adalah sumber data yang digunakan terdiri daripada dua bahasa yang berlainan. Noriah Taslim menggunakan bahasa Melayu berdasarkan sumber data *Hikayat Seri Rama*. Noriah melihat penstrukturan dan pemerihalhan ruang, konsep ruang dalam karya Melayu tradisional berdasarkan pengaruh sistem metafizik Hindu (persepsi/penstrukturan ruang) dan visi pengarang terhadap ruang dalam *Hikayat Seri Rama*. Berlainan halnya dengan Ekelund dan Borjesson (2005) yang menggunakan data novel bahasa Inggeris yang melibatkan 560 orang penulis. Mereka mendapati dunia fiksi mempunyai sokongan ruang dan masa di mana watak, kedudukan sosial dan dinamik plot boleh dikaitkan dengan pembaca. Secara jelasnya, geometrik data analisis mengaitkan hubungan antara ruang individu dengan ruang dalam dunia fiksi. Dalam hal ini, ruang fiksi merupakan tambahan kepada ruang fizikal dan sosial.

Rangkuman daripada kajian lepas memaparkan konsep tentang ruang adalah berdasarkan matlamat setiap kajian yang dijalankan (Jones & Eyles 1977). Walaupun begitu, setiap kajian melihat konsep ruang secara terpisah antara satu sama lain. Jika perbincangannya bertumpu kepada ruang fizikal, maka huraiannya juga hanya tertumpu kepada ruang fizikal dan tidak berhubung kait dengan ruang sosial dan ruang-masa. Begitulah juga untuk ruang sosial dan ruang-masa. Masih tidak kedapatan kajian yang menunjukkan hubungan antara ruang fizikal dengan ruang sosial atau ruang sosial dengan ruang-masa atau hubungan antara ketiga-


tiganya. Berdasarkan situasi di atas, maka terdapat keperluan untuk melakukan kajian yang merangkumi ketiga-tiga ruang iaitu ruang fizikal, ruang sosial dan ruang-masa. Justeru, kajian yang akan dilakukan mencakupi konsep ruang yang bersifat abstrak (fizikal, sosial dan ruang-masa) dan analisis yang digunakan merangkumi makna di peringkat logik (tersurat) dan makna di peringkat kognitif (tersirat). Selain itu, pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014) yang digunakan semasa menganalisis akan mencungkil pemikiran masyarakat Melayu melangkaui falsafah yang tersisip kemas di dalamnya.

4. Perbincangan

Bagi membuktikan pemilihan leksikal fauna yang terdapat dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* ini tidak berlaku secara semberono, maka data di bawah diambil untuk dianalisis.

Fauna dan Perubahan Ruang

- Data 1: “...dan jikalau sekiranya kalau berkat tinggi tuah adinda dengan segeranya kakanda mengadap adinda ke sini; dan jikalau sekiranya mungkir pula perjanjian kakanda, ditimpa oleh tiang Ka’abatullah, kakanda menjadi **ungka dan siamang**, kiamat dunia baharulah kita bersatu.” [2:55(9:9)]
- Data 2: Hatta, tengah bersuapan itu, dengan takdir Allah Subhanahu wa Ta’ala melakukan kudrat iradatnyanya kepada hambanya, Tuan Tuan Puteri Gondan Gandariah pun segera melompat menjadi **ungka putih**, naik ke atas alang seraya berbunyi-bunyi merawan-rawan: “Yu, yu, yu,” sahaja bunyinya, terkenangkan untung nasibnya. [3:19(165:165)]
- Data 3: Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa Ta’ala melakukan kudratnya, Raja Tunggal Junjungan beralihlah sifatnya sudah menjadi **siamang putih**, terlompat ke sana ke mari oleh sebab mungkir janji dengan Tuan Puteri Gondan Gandariah itu. [3:48(476:476)]
- Data 4: Maka demi didengar oleh Raja Tunggal Junjungan akan kata **ungka putih** itu, maka ia pun segera mengambil terkul, segeralah **menembak unka putih itu seperti bunyi kumbang padang**. [3:62(598:598)]
- Data 5: Maka lidi nyiur hijau itu pun dirampatkan oleh Raja Tunggal Junjungan kepada **bangkai unka putih** itu tujuh kali. [3:63(598:598)]
- Data 6: Maka kepada ketika itu juga Raja Tunggal Junjungan menjadi **siamang putih** dan Tuan Puteri Gondan Gandariah menjadi **ungka putih**. Maka keduanya pun terjun dari tempat geta persandingan itu lari ke dalam hutan, berkejar-kejar lalu ghaib kepada mata sekalian, lantas lalu naik ke atas Gunung Ledang keduanya sambil menangis; **ungka putih lari, siamang putih mengejarnya**. Maka kata sahibul riwayat ini, apabila kiamat dunia baharulah boleh **ungka putih** itu didapati oleh **siamang putih** itu. [3:40(636:636)]



Rajah 1. Kronologi perubahan ruang dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*

Daripada paparan data 1 hingga data 6 di atas, pendengar didedahkan dengan leksikal fauna *ungka* dan *siamang*. Kronologi cerita berdasarkan data 1 hingga 6 di atas lebih mudah untuk difahami jika dilihat dalam bentuk visual seperti dalam rajah 1 di atas:

Berdasarkan **Rajah 1**, watak Tuan Puteri Gondan Gondariah telah bertukar menjadi *ungka putih* dan watak Raja Tunggal Junjungan telah berubah menjadi *siamang putih*. Perubahan manusia kepada fauna berlaku apabila Tuan Puteri Gondan Gondariah tidak setia kepada Raja Tunggal Junjungan dan Raja Tunggal Junjungan pula tidak setia kepada Tuan Puteri Kaca Bertuang.

Sikap tidak setia dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* diangkat untuk diteliti dan dianalisis kerana melibatkan tiga kali perubahan bentuk manusia kepada bentuk fauna *ungka putih* dan *siamang putih*. Janji pertama berlaku antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah sebelum Raja Tunggal Junjungan keluar mengembara untuk mencari nenek

moyangnya yang ditawan oleh Raja Berdurai Putih. Janji pertama ini telah dimungkiri oleh Tuan Puteri Gondan Gondariah dahulu kerana berkahwin dengan Nakhoda Bahar kerana mempercayai kata-kata Nakhoda Bahar yang menyatakan bahawa dialah yang membunuh Raja Berdurai Putih dan Raja Tunggal Junjungan telahpun mangkat. Janji pertama itu juga telah dinodai oleh Raja Tunggal Junjungan setelah berlakunya perkahwinan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang. Raja Tunggal Junjungan telah berubah menjadi *siamang putih*. Namun begitu, dengan menggunakan lidi nyiur tujuh batang, Tuan Puteri Kaca Bertuang telah memulihkan fizikal Raja Tunggal Junjungan seperti sedia kala setelah melalui proses merampat (memukul atau menyebat). Tuan Puteri Kaca Bertuang meminta Raja Tunggal Junjungan berjanji untuk setia dan tidak berkahwin lain selepas itu kerana dikhuatiri akan berubah semula bentuk kepada *siamang putih*. Janji kedua dipateri antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang.

Raja Tunggal Junjungan berusaha untuk memulihkan keadaan Tuan Puteri Gondan Gondariah apabila baginda pulang ke negeri Tiku Pariaman. Sebelum memulihkan Tuan Puteri Gondan Gondariah, Raja Tunggal Junjungan telah menembak Tuan Puteri Gondan Gondariah menggunakan 'terkul' (sejenis senjata berupa senapang) kerana Tuan Puteri Gondan Gondariah tidak mahu turun ke bumi (hanya berada di atas pokok). Bangkai *ungka putih* (Tuan Puteri Gondan Gondariah) telah dirampat oleh Raja Tunggal Junjungan dengan menggunakan lidi nyiur muda tujuh batang yang dipinjamkan oleh Tuan Puteri Kaca Bertuang. Raja Tunggal Junjungan berjaya memulihkan fizikal Tuan Puteri Gondan Gondariah kepada manusia dan menghidupkannya semula. Akhirnya, Tuan Puteri Gondan Gondariah telah berkahwin dengan Raja Tunggal Junjungan.

Perkahwinan Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah sekali lagi menunjukkan berlakunya sifat tidak setia. Sifat tidak setia ini melibatkan melibatkan perjanjian kedua yang telah dimaterai antara Tuan Puteri Kaca Bertuang dengan Raja Tunggal Junjungan. Perbuatan tidak setia kepada pasangan dan perlakuan mungkir janji kali ketiga ini bukan hanya memberi impak kepada Raja Tunggal Junjungan yang bertukar menjadi *siamang putih* tetapi turut melibatkan Tuan Puteri Gondan Gondariah yang menjadi *ungka putih*.

Pada tahap pertama analisis, makna leksikal *ungka* dan *siamang* akan dijelaskan. *Ungka* merujuk kepada sejenis kera yang panjang tangannya tetapi tidak berekor (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Sementara *siamang* pula merujuk kepada beruk besar yang bertangan panjang, berbulu hitam dan tebal dan tidak berekor (Boitani & Bartoli 1982). Terdapat warna merah gelap di bahagian atas kening *siamang*. Perubahan bentuk Tuan Puteri Gondan Gondariah seperti dalam data 2 dan Raja Tunggal Junjungan seperti data 3 daripada manusia kepada *ungka* dan daripada manusia kepada *siamang* melibatkan perubahan ruang fizikal. Dalam perubahan ruang fizikal yang boleh dilihat dengan mata kasar ini, sifat fizikal manusia berubah menjadi fizikal *ungka* dan *siamang*.

Pada tahap kedua analisis yang melibatkan kognitif, penghujahan kenapa fauna *siamang* dan *ungka* dipilih akan diperincikan. Jika dilihat seimbans lalu, fizikal *siamang* atau *ungka* berbanding manusia tidak jauh bezanya. Jika perubahan fizikal yang terlibat dinyatakan berubah daripada manusia kepada kerbau atau ikan, pasti melibatkan perubahan fizikal yang besar, drastik dan banyak. Maka, kepekaan dan pengamatan yang teliti oleh orang Melayu memungkinkan pemilihan *ungka* dan *siamang* dilakukan untuk perubahan tersebut. Malah, kelakuan *siamang* yang berjalan pada kedudukan tegak (Boitani & Bartoli 1982) dengan hanya menggunakan kakinya menyerupai cara manusia berjalan. *Siamang* juga tidak mempunyai ekor (Ensiklopedia Dunia Melayu, 1997).

Perubahan fizikal Raja Tunggal Junjungan daripada manusia kepada *siamang putih* berlaku kerana sifatnya yang tidak setia dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah dan Tuan Puteri Kaca Bertuang. Hal yang sama berlaku kepada Tuan Puteri Gondan Gondariah yang berubah fizikalnya kepada *ungka putih* kerana tidak setia dengan Raja Tunggal Junjungan. Pemilihan leksikal putih yang digabungkan dengan *ungka* menjadi *ungka putih* dan *ungka putih* melambangkan keistimewaan dan luar biasanya kejadian tersebut. Lazimnya *ungka* dan *siamang* berwarna hitam atau gelap. Apabila pendengar didedahkan dengan ungkapan *ungka*

putih dan *siamang putih*, kognitif pendengar akan mengaitkan dengan ciri luar biasa kerana jarang-jarang dijumpai dan ditemui dalam alam Melayu. Pendengar lantas mengaitkan keluarbiasaan ini dengan keistimewaan dan kedudukan Raja Anggun Cik Tunggal dan Tuan Puteri Gondan Gondariah yang berasal dari darah dan keturunan raja, bukan orang biasa. Sesuatu warna bukan sekadar warna semata-mata. Menurut Miller (1997, 6) "*Colour is communication - a language all its own. With colour you can communicate an enormous variety of messages*". Warna putih dalam masyarakat Melayu juga membawa mesej yang tertentu. Warna tersebut bukan sahaja membawa maksud suci dan bersih (Shakhizada Sainbekovna Turganbayeva & Tamara Mikhaelovna Stepankaya, 2014) tetapi juga selalu dikaitkan dengan kekeramatan. Asmah Haji Omar (1993) merumuskan yang baik itu putih dan yang tidak baik itu hitam. Beliau juga mendapati warna kulit yang cerah dalam masyarakat Melayu, selalunya dikaitkan dengan golongan atasan. Justeru, gandingan leksikal putih pada *ungka* dan *siamang* membawa makna keturunan baik yang berasal dari golongan atasan.

Makna yang dianalisis masih belum selesai hingga ke akar umbinya, selagi setiap persoalan seperti apa, kenapa dan bagaimana masih belum terjawab. Persoalan-persoalan ini lebih dikenali sebagai kaedah "meneroka" (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Penerokaan inilah yang akan mencungkil pemikiran dan falsafah Melayu.

Dengan mengimbas kembali perubahan bentuk fizikal manusia kepada fauna, falsafah yang tersirat di sebalik perubahan ini adalah merujuk kepada perubahan ruang sosial. Pada hakikatnya, perubahan ruang fizikal (daripada cantik menjadi hodoh) tersebut merujuk kepada perubahan status iaitu daripada manusia menjadi haiwan. Ketersiratan yang cuba disampaikan oleh penutur adalah perubahan ruang sosial yang melibatkan status daripada mulia menjadi hina.

Kejadian perubahan fizikal manusia kepada fauna turut diolah oleh penutur untuk mengaitkannya dengan peristiwa yang terakamkan dalam al-Quran setelah manusia tidak setia pada janjinya. Perhatikan maksud ayat tersebut (Al-Baqarah: ayat 65) yang diterjemah oleh Abdullah Basmeih (1983:21).

"Dan sesungguhnya telah kamu ketahui orang-orang yang melanggar di antaramu pada hari Sabtu, maka Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".

(Al-Baqarah 2:65)

Peristiwa yang telah dirakamkan dalam Al-Quran itu berlaku terhadap kaum Yahudi yang memungkirkan janjinya dengan Allah. Keingkaran orang Yahudi terhadap janji dengan Allah berlaku apabila mereka keluar menangkap ikan pada hari Sabtu dan meninggalkan amal ibadah. Allah telah menjatuhkan hukuman kepada kaum ini dengan menjadikan mereka sebagai kera dan tergolong dalam kehinaan.

Selanjutnya, pemilihan fauna *ungka* dan *siamang* untuk perubahan fizikal tersebut membuktikan sifat kekhususan dalam bahasa Melayu. Sifat kekhususan ini menjelaskan mengapa tidak leksikal kera yang digunakan untuk perubahan fizikal yang berlaku. Dalam masyarakat Melayu, 'kera' sinonim unsur-unsur negatif (Muhammad Haji Salleh, 2008). Pepatah Melayu seperti 'kera mendapat bunga', 'kera sumbang', 'bagai kera kena belacan' membawa perbandingan sifat dan makna yang negatif. Seandainya leksikal kera dipilih untuk menunjukkan perubahan fizikal tersebut, akan terpalit sekali makna implisit negatif tersebut kepada Raja Tunggal Junjungan atau Tuan Puteri Gondan Gondariah. Bagi menghindari makna negatif tersebut menyelubungi darah keturunan raja, maka penutur lara memilih untuk menggunakan *ungka* dan *siamang*.

Yang terakhir, perubahan ruang-masa terungkap dalam jadual di bawah (Jadual 1).

Jadual 1. Perubahan Ruang-Masa dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*

Bil.	Peristiwa	Tempoh masa	Kesan
1.	Bermula dari perjanjian pertama antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah hingga Tuan Puteri Gondan Gondariah berkahwin dengan Nakhoda Bahar	70 hari	-Perubahan ruang fizikal (cantik-hodoh)/manusia – fauna - Tuan Puteri Gondan Gondariah berubah menjadi ungka putih
2.	Bermula dari perjanjian pertama antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah hingga Raja Tunggal Junjungan berkahwin dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang	375 hari	-Perubahan ruang fizikal (cantik-hodoh)/manusia – fauna - Raja Tunggal Junjungan berubah menjadi siamang putih -Tuan Puteri Kaca Bertuang pulihkan Raja Tunggal Junjungan -perjanjian kedua: Tuan Puteri Kaca Bertuang dengan Raja Tunggal Junjungan
3.	Persiapan perkahwinan Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Kaca Bertuang	6 bulan	-selepas perkahwinan itu, hari ke 2 Raja Tunggal Junjungan mohon untuk kembali sebentar ke negeri Tiku Pariaman
4.	Pelayaran Raja Tunggal Junjungan ke negeri Tiku Pariaman	8 hari	-
5.	Di kuala Tiku Pariaman, ungka putih ditangkap oleh Raja Tunggal Junjungan untuk dipulihkan	7 hari	-Raja Tunggal Junjungan menggunakan lidi nyiur muda (dirampatkan 7 kali) -ungka putih berubah menjadi Tuan Puteri Gondan Gondariah
6.	Persiapan perkahwinan Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah	6 bulan	-
7.	Persandingan Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah di atas geta	Setelah cukup 6 bulan persiapan	-Perubahan ruang fizikal (cantik-hodoh)/manusia – fauna i. Tuan Puteri Gondan Gondariah berubah menjadi ungka putih ii. Raja Tunggal Junjungan berubah menjadi siamang putih

Secara jelasnya, perubahan ruang-masa tercerna dengan baik yakni melibatkan jarak antara satu titik waktu dengan titik waktu yang lain. Dalam penulisan ini, perubahan ruang-masa dilihat bermula dengan peristiwa perjanjian pertama antara Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah sehingga ke akhir cerita iaitu peristiwa kedua-dua watak (Raja Tunggal Junjungan dengan Tuan Puteri Gondan Gondariah) berubah menjadi *siamang putih* dan *ungka putih*.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis di atas, terbukti bahawa orang Melayu bukan sahaja bijak memilih leksikal untuk menyampaikan makna implisit, malah gabung jalin perubahan bentuk fizikal daripada manusia kepada fauna itu sekaligus menyulam pengaruh dan unsur Islam yang berlaku tanpa sedar. Ternyata, peranan cerita lipur lara bukan hanya sebagai medium hiburan (Hassan

Ahmad, 2003; Ismail Yusoff, 2008; Mana Sikana, 2007; Mohd. Taib Osman, 1974; Munir Ali, 1990; Noriah Taslim, 1993; Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi 2005), malah yang lebih penting dapat menitipkan unsur pengajaran di dalamnya, mendidik dan mendisiplinkan masyarakat.

Bukan itu sahaja, penstrukturan kronologi perubahan ruang sosial melalui paparan sifat setia kepada tidak setia watak-watak dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* telah meninggalkan impak yang bukan sedikit dalam kognitif pendengar untuk dijadikan pengajaran pada masa hadapan. Justeru, walaupun rentetan kronologi perubahan ruang sosial ini agak sukar difahami pada awalnya, tetapi melalui catatan ensiklopedik yang ada berbantuan kesan konteks yang terbina, pendengar akan dapat memproses maklumat dengan cepat dan mudah.

Uniknya cerita ini kerana menyulam perubahan konsep ruang sosial, ruang fizikal dan ruang-masa yang saling melengkapi dan bertindan antara satu sama lain. Sifat setia yang berubah memungkinkan pula perubahan pada fizikal manusia, bahkan menyirat makna status seseorang daripada mulia kepada hina. Geniusnya sarjana Melayu dahulu memilih leksikal fauna *ungka putih* dan *siamang putih* yang diplotkan dengan kronologi cerita. Pada masa yang sama, kronologi cerita ini menunjukkan perubahan ruang-masa. Segala peristiwa diolah untuk memberi makna implisit perubahan ruang sosial, ruang fizikal dan ruang-masa untuk menjadikan *Cerita Anggun Cik Tunggal* diteladani dan dirujuk hingga ke hari ini.

6. Rujukan

- Abdul Latif Samian. (2010). Realiti Ruang, Masa Dan Pematematikan. *SARI* 28:277-287.
- Abdullah Basmeih. (1983). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Arba'ie Sujud & Mohd Yusoff Shamsuddin. (2013). Seni Berbahasa Dalam Sulalatus Salatin. Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin. Anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 29-30 Oktober 2013.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa Dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2003). Ruang, Persekitaran Dan Bidang Peradaban : Satu Penggambaran Berasaskan Bahasa. Wacana Minda Melayu. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, 7 - 9 Oktober 2003.
- Asmah Haji Omar. (2013). *Malay Perception of Time*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhan Abdul Aziz, Abdullah Sani Ahmad & Tajul Edrus Nordin. (2012). Vitality of Flats Outdoor Space. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 36: 402-413.
- Boitani, L., & Bartoli, S. (1982). *Simon and Schuster's Guide to Mammals*. New York: Simon and Schuster Inc.
- Boroditsky, L. (2000). Metaphoric Structuring: Understanding Time through Spatial Metaphors. *Cognition* 75: 1-28.
- Boroditsky, L. (2001). Does Language Shape Thought?: Mandarin and English Speakers' Conceptions of Time. *Cognitive Psychology* 43: 1-22.
- Cassasanto, D., & Boroditsky, L. (2008). Time in the Mind: Using Space to Think About Time. *Cognition* 106: 579-593.
- Ekelund, B. G., & Borjesson, M. (2005). Comparing Literary Worlds: An Analysis of the Spaces of Fictional Universes in the Work of Two Us ProseFiction Debut Cohorts, 1940 and 1955. *Poetics* 33: 343-368.
- Ensiklopedia Dunia Melayu*. (1997). Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Fatimah Md. Yassin. (1991). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan: Satu Analisis Isi Yang Bercorak Etika. Dlm. Mohd Taib Osman (pnyt.). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*, hlm. 150-165. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Galton, A. (2011). Time flies but Space Does Not: Limits to the Spatialisation of Time. *Journal of Pragmatics* 43: 695–703.
- Hamka. (2009). *Dari Perbendaharaan Lama*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hashim Ismail. (2008). Falsafah Pantun Melayu: Pengetahuan Ruang Dan Waktu. Dlm. Zainal Abidin Borhan (pngr.). *Pantun Warisan Rakyat*, hlm. 133-149. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Rakyat.
- Hussain Othman. (2011). *Konsep Pensejarahan Melayu Perspektif Kosmologi*. Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jones, E., & Eyles, J. (1977). *An Introduction to Social Geography*. London: Oxford University Press.
- J. Lukito Kartono. (2005). Konsep Ruang Tradisional Jawa Dalam Konteks Budaya. *Dimensi Interior* 3 (2): 124 - 136.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kong Yuanzhi. (2010). *Pelayaran Zheng He Dan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bangi: Penerbit Karya.
- Miller, M. C. (1997). *Colour for Interior Architecture Today*. Abingdon, Oxon: Taylor & Francis.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Permata Di Rumput, Gilang : Sastera Sebagai Ruang Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorul Huda Mohd Razali & Anuar Talib. (2013). The Concept of Privacy and the Malay Dwelling Interior Space Planning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 101: 404-414.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian Makna Imbuhan Pen- Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9 (2): 57-72.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik Dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhafezah Yusof. (2012). A Spatial Analysis of Organizations in an Intelligent City: An Ethnographic Approach. *Pertanika Journal* 20 (2): 281 - 297.
- Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2012). Konsep Ruang Dalam Pemikiran Melayu. Dlm. Muhammad Haji Salleh (pnyt.). *Pandangan Dunia Melayu Pancaran Sastera*, hlm. 85-108. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan Dan Tulisan: Teks Dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai. *Jurnal GEMA Online* 13 (1): 83-98.
- Shakhizada Sainbekovna Turganbayeva & Tamara Mikhaelovna Stepankaya. (2014). Regarding the Origins of Symbols, Symbolic Functions of Colour and Infinity Lines. *World Applied Sciences Journal* 31 (4): 534-537.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999). Ilmu Filologi Dalam Pengkajian Manuskrip: Hikayat Merong Mahawangsa Versi Logan. *Jurnal Filologi Melayu* 7: 139-153.
- Tenas Effendy. (2005). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenbrink, T. (2011). The Language of Space and Time. *Journal of Pragmatics* 43: 691–694.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online* 11 (3): 31-50.
- Zakaria Abdullah. (1990). *Haiwan Mamalia Di Malaysia*. Ampang: Pam Publishing (M) Sdn. Bhd.